

29 MAR 2001

Mahathir-Forum (Bergambar)

MSC BAWA MALAYSIA KE DALAM ERA MAKLUMAT - KATA PM

KUALA LUMPUR, 29 Mac (Bernama) -- Koridor Raya Multimedia (MSC) akan membuka jalan bagi Malaysia meningkat ke dalam era maklumat dan ekonomi berasaskan pengetahuan (K-ekonomi), kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata inisiatif MSC telah menyediakan banyak peluang kepada pengusaha K-ekonomi untuk maju dengan adanya kumpulan pekerja berpengetahuan yang diwujudkan melalui universiti yang terletak dalam MSC, kemudahan komunikasi bertaraf dunia, dana teroka dan rangkaian pusat inkubator.

Beliau bercakap pada perasmian Forum MSC-Lucent Bell Laboratory Technology 2001 di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata ketika dunia beralih daripada perdagangan berasaskan komoditi kepada perdagangan elektronik, maka inovasi, penyelidikan dan pembangunan serta peranan pekerja berpengetahuan menjadi elemen utama dalam ekonomi bercorak baru itu.

Oleh itu Malaysia perlu terus menumpukan usahanya dalam menggalakkan kemahiran keusahawanan dengan sokongan dana teroka, katanya.

Para siswazah pula perlu dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan yang selaras dengan perubahan dalam pasaran dan cara perniagaan dijalankan, kata beliau,

Dr Mahathir berkata kemunculan masyarakat berpengetahuan telah menjadi faktor utama dalam memacu pertumbuhan perdagangan antarabangsa dan sumbangan ke arah pengwujudan kekayaan negara.

"Saya berharap bahawa kita semua telah memperolehi pemahaman dan wawasan lebih baik mengenai peluang-peluang berpotensi, cabaran dan membentuk usahasama dan gabungan baru bagi membolehkan kita untuk makmur dengan jayanya dalam kemunculan K-ekonomi", katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia akan mendapat manfaat signifikan kerana satu daripada kesan sampingan yang dijangkakan ialah kerjasama dalam aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) dalam bidang komputer dan telekomunikasi di kalangan universiti tempatan dan organisasi perniagaan dengan pusat-pusat kecemerlangan di seluruh dunia.

"Satu daripada contohnya ialah aktiviti R&D dalam Universiti Multimedia, yang mendapat manfaat daripada Program Profesor Jemputan Lucent Bell Labs," katanya.

Mengenai forum itu, Dr Mahathir berharap para saintis dan eksekutif korporat tempatan akan saling berinteraksi dan bekerjasama dengan saintis dan pakar teknologi dari Lucent and Bell Labs dalam teknologi yang lebih luas, terutamanya dalam telekomunikasi dan komputer.

"Forum itu juga akan bertindak sebagai landasan bagi perkongsian bijak di kalangan pusat-pusat R&D industri dan sebagai panduan untuk membantu syarikat-syarikat dan universiti-universiti Malaysia untuk mentakrifkan isu-isu strategik, hala tuju dan fokus bagi aktiviti R&D mereka..

"Disebalik semua perubahan di Lucent baru-baru ini, saya amat gembira bahawa Lucent terus menunjukkan sokongan padunya terhadap MSC menerusi pelbagai komitmennya," kata Dr Mahathir.

Presiden Bell Labs Dr Arun Netravali, pemenang anugerah Hadiah Nobel 1998 dalam Fizik Dr Horst Stormer dan Pengerusi Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah adalah antara penceramah jemputan pada forum sehari bertajuk "Jangkakan Perkara Hebat - Teknologi Penjana K-Ekonomi"

Lucent Technologies (M) Sdn Bhd telah memperolehi status MSC pada

Januari 1998, dengan itu menjadi syarikat ke-100 layak bagi status itu.
-- BERNAMA
RV ES RHM